

Sentimen boleh ubah sokongan: Mahathir

54 12 MAY 2000

SOKONGAN padu kepada calon tertentu pada pemilihan Umno, tidak bermakna mereka yang menang akan kekal memegang jawatan kerana sentimen mungkin berubah pada pemilihan akan datang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Mereka telah mengundi... tetapi itu tidak bermakna mereka (pemenang) akan kekal memegang jawatan. Pada pemilihan akan datang, orang akan tukar fikiran termasuk terhadap Presiden atau Timbalan Presiden."

kata Perdana Menteri pada sidang akhbar di akhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno ke-54 di sini, hari ini.

Ketika ditanya sama ada pencalonan yang banyak kepada beliau adalah satu tanda sokongan padu untuk beliau tents memimpin, Dr Mahathir berkata seseorang itu tidak harus dipengaruhi sokongan kuat walaupun ada penerimaan yang kukuh.

Ini kerana sentimen boleh berubah dan orang akan menukar fikiran serta mem-

buat keputusan lain kerana sebab tertentu, katanya.

Kepada satu soalan mengenai demokrasi, Dr Mahathir berkata hanya kerana sesuatu itu dikatakan demokratik, ia tidak semestinya baik.

Katanya, orang ramai hanya faham asas demokrasi tetapi tidak butirannya.

Hakikat bahawa demokrasi sesebuah negara dan menyebabkannya gagal dimajukan, adalah sesuatu yang tidak

difahami oleh ramai orang Melayu, katanya.

Dr Mahathir berkata, adakalanya apabila demokrasi dipergunakan untuk kebebasan, ia boleh mengakibatkan anarki.

Sebagai contoh, katanya, banyak negara yang kerajaannya dipilih, mempunyai pembangkang yang menganjurkan mogok dan tunjuk perasaan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih.

Kemudian pilihan raya diadakan dan pembangkang akan membentuk kerajaan

manakala kerajaan sebelumnya yang kini menjadi pembangkang, akan menganjurkan pula mogok dan tunjuk perasaan kerana itu dibenarkan oleh demokrasi, dan kemudiannya menjatuhkan kerajaan yang baru.

Negara seperti ini, katanya, tidak akan menikmati kestabilan walaupun telah melaksanakan hak demokrasi.

Akibat ketidakstabilan, negara itu tidak dapat menarik pelaburan dan rakyat akan merana kerana negara itu tidak makmur.